

Volume I
No. 9



Friday
10th July, 1964

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

**FIRST SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

**THE CONSTITUTION (AMENDMENT) BILL (debate
continued) [Col. 1165]**

EXEMPTED BUSINESS (Motion) [Col. 1251]

ADJOURNMENT SPEECHES [Col. 1259]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

First Session of the Second Dewan Ra'ayat

Friday, 10th July, 1964

The House met at half-past nine o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence, Minister of National and Rural Development and Minister of Lands and Mines, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Lands and Mines, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN JAWI (Ulu Perak).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development and Assistant Minister of Justice, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).

- The Honourable the Assistant Minister of Agriculture and Co-operatives,
ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Youth, Culture and Sports,
ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR (Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education,
ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL (Kuala Trengganu Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAHIM ISHAK (Singapore).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K.
(Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI
(Pasir Mas Hulu).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja
(Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N.,
S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ O. K. K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN (Sarawak).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ ENCHE' CHIA THYE POH (Singapore).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).

- The Honourable DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFTI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ ENCHE' HO SEE BENG (Singapore).
- „ ENCHE' STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN
(Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN (Sarawak).
- „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ DATU KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' KOW KEE SENG (Singapore).
- „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' LING BENG SIEW (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' LIM PEE HUNG (Alor Star).
- „ ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' JOE MANJAJI (Sabah).
- „ DR HAJI MEGAT KHAS, J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).

- The Honourable ENCHE' MOHAMED NOORDIN BIN MASTAN, A.M.N., P.J.K. (Seberang Selatan).
- " ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- " ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- " ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL (Sungei Patani).
- " WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- " TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- " ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- " TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR (Sarawak).
- " DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- " ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- " ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- " DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- " ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
- " TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- " ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- " ABANG OTHMAN BIN HAJI MOASIL (Sarawak).
- " ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- " ENCHE' S. RAJARATNAM (Singapore).
- " TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- " ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- " TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- " RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR (Kuala Selangor).
- " ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- " ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- " ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- " ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- " ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- " ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- " ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- " ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
- " DATU DONALD ALOYSIUS STEPHENS, P.D.K. (Sabah).
- " ENCHE' SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- " PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- " ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- " ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim-Bandar Bharu).
- " ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- " DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- " ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- " ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

The Honourable ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).

- „ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ PENGHULU FRANCIS UMPAU ANAK EMPAM (Sarawak).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).

ABSENT:

The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Youth, Culture and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).

- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ DR GOH KENG SWEE (Singapore).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' JEK YEUN THONG (Singapore).
- „ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE KUAN YEW (Singapore).
- „ ENCHE' LIM HUAN BOON (Singapore).
- „ DATO' LIM KIM SAN, D.U.T. (Singapore).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ DATO' NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.M.J.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' ONG PANG BOON (Singapore).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN WOK (Singapore).
- „ ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ DR TOH CHIN CHYE (Singapore).
- „ ENCHE' WEE TOON BOON (Singapore).
- „ ENCHE' YONG NYUK LIN (Singapore).

PRAYERS

(Mr Speaker *in the Chair*)

THE CONSTITUTION (AMENDMENT) BILL

Second Reading

Order read for resumption of debate on Question, "That the Bill be now read a second time." (9th July, 1964).

Mr Speaker: The debate on "An Act to amend the Constitution of the Federation" to be read a second time resumes.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Rang Undang² yang di-hadapan kita pada hari ini. Saya merasa bahawa memang-lah pindaan ini perlu pada perkembangan² negara kita yang

sedang bangun, yang sedang maju dan yang sedang berlari pada masa ini. Saya merasa bahawa walau bagaimana pun sa-saorang itu atau sa-suatu parti itu menentang Rang Undang² ini, tetapi sa-bagaimana yang di-katakan oleh Timbalan Perdana Menteri Singapura pada petang sa-malam, ia-itu sa-orang daripada orang yang telah mengkeritik Rang Undang² ini, memang dari masa ka-masa perlu-lah Perlembagaan itu di-pinda menurut keadaan.

Saya sendiri tidak bagitu dapat mengikut logik sa-tengah² Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap pada hari sa-malam saperti Ahli dari Kelantan Hilir yang telah mengatakan bahawa pindaan ini tidak berfaedah dan pindaan ini di-buat menurut nafsu parti yang memerintah sa-mata². Saya boleh-lah berkata kapada Ahli² daripada PAS itu, kerana saya sendiri tahu chara mereka berfikir: tiap² yang hidup itu bergerak, dia tidak beku. Kalau kita hendak sa-suatu perkara itu beku, perkara itu akan jadi batu, tidak akan bergerak dan tidak akan maju. Tidak boleh-lah kita hendak menganggap bahawa Perlembagaan ini kalau sudah bagitu ia bagitu-lah, daripada zaman Nabi Adam sampai Nabi Noah, sampai Nabi Muhammad dan sampai akhir zaman. Ini bukan-nya Kur'an. Ini bukan-nya Firman Tuhan.

Kita ada-lah membuat Perlembagaan ini untuk menyesuaikan keadaan² yang kita hadapi. Maka sebab itu pada masa ini dalam masa negara kita telah menjadi Malaysia, dalam masa menghadapi tanggong-jawab yang bertambah² dan dalam masa menghadapi berbagai² perkara berlimpah² datang-nya dari sa-genap cherok tentu-lah kita kena menengok Perlembagaan kita ini. Ada-kah perlu atau tidak kita tambah di-sana dan tambah di-sini, pinda di-sana pinda di-sini, untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan² dan aliran perjalanan suasana. Maka sebab itu-lah dalam Rang Undang² yang ada ini tiga pindaan telah di-adakan untuk membolehkan melantek sa-orang Yang di-Pertua Dewan ini di-luar daripada Ahli Dewan Ra'ayat, jika perlu, dan untuk

menambah dan memasokkan jawatan² Setia-usaha Parlimen dan Setia-usaha Politik dalam Kerajaan. Dan saya sendiri nampak daripada perjalanan yang telah berjalan semenjak beberapa bulan yang akhir ini, semenjak kita telah mengadakan Setia-usaha Politik, maka kelichinan perjalanan Kerajaan dan kelichinan urusan² yang di-jalankan oleh Kementerian² yang berkenaan bertambah²—bertambah² dengan chara yang belum kita lihat masa Setia-usaha Politik ini belum ada dudok dalam Kerajaan.

Saya sendiri kurang bagitu mengerti di-atas sikap daripada Ahli² Petir yang nampak-nya kurang bagitu senang dengan mengadakan jawatan² Setia-usaha Parlimen dan Setia-usaha Politik ini. Memang pada masa sekarang ini, dalam masa kita menghadapi pembangunan yang besar ini, maka susunan pimpinan Kerajaan itu harus di-perkuatkan dengan bagitu rupa sa-hingga dapat-lah tiap² Menteri, Menteri Muda dengan Setia-usaha Parlimen dan Setia-usaha Politik-nya itu menjalankan kerja dengan sapenoh-nya. Kalau hanya sa-orang Menteri atau sa-orang Menteri Muda sahaja menjalankan kerja-nya, maka banyak-lah benda yang tidak akan dapat di-jalankan dengan chekap, chepat dan dengan penoh puas hati kapada pembangunan negeri ini. Tetapi kita tentu-lah tidak hendak buat macham yang di-buat oleh Singapura yang melantek Setia-usaha Politik-nya daripada ahli yang di-fikirkan boleh memberi sokongan kapada-nya dalam satu masa, kemudian tiba² dalam masa yang lain orang² itu-lah yang di-masokkan balek ka-dalam tahanan dan menjadi korban kapada Petir yang mereka itu sokong pada masa yang terdahulu.

Ada juga Ahli² Yang Berhormat pada hari sa-malam menyatakan saperti Ahli dari Batu dan Ahli dari Kelantan Hilir yang meminta supaya pindaan ini, kalau boleh, di-beri dahulu kapada tiap² Ahli dan Ahli² itu pergi meshuarat daripada kampung ka-kampong dalam kawasan-nya. Setelah dapat keputusan—kampung puteh, bagini keputusan-nya, kampung hitam, keputusan-nya bagini, kampung

merah, keputusan-nya bagini, baharulah kita binchangkan ka-mari. Saya fikir kalau kita buat begitu sampai berjanggut puteh pun barangkali kita belum dapat membuat sa-suatu pindaan kepada Perlembagaan kita. Itulah sebab-nya kita ada di-sini. Kita sakalian Ahli² Yang Berhormat adalah menjadi wakil kepada ra'ayat, mencherminkan fikiran ra'ayat, maka sudah chukup-lah masa yang di-beri kepada kita untuk menimbangkan akan segi²-nya pindaan ini dan untuk menyokong atau menentang pindaan ini.

Ada juga sa-malam di-nyatakan pendapat boleh jadi Rang Undang² ini di-buat untuk hendak beri kerja kepada M.P.² Perikatan. Memang untuk beri kerja kepada M.P.² Perikatan—kerja untuk membena negara. Kalau tidak di-beri kerja, kalau kita tidak menjalankan kerja ini, bagaimana kita akan dapat membena negara ini, bagaimana kita dapat menjalankan tugas yang di-serahkan oleh ra'ayat kepada kita sendiri.

Kalau kita hendak buat macham sa-tengah² parti lain yang dapat memerintah saperti PAS di-Kelantan, tidak mahu jalankan apa², hanya tahu terima akhir bulan sahaja. Itu senang-lah. Tidak usah pinda pun tidak apa. Kita bekukan-lah saja macham kehendak Ahli dari Kelantan Hilir tadi.

Ada pendapat² pada hari sa-malam yang menchurigai akan faedah-nya Dewan Negara—tidak ada sa-suatu bukti yang jelas konon-nya Dewan Negara itu telah menjalankan peranannya yang effective di-dalam pemerintahan negara kita semenjak ini, tidak saperti yang di-jalankan, saperti kata Ahli Yang Berhormat dari Batu, oleh Dewan Pertuanan British—House of Lord di-London. Bagaimana kita hendak bandingkan Dewan Negara yang baharu berumur 5 atau 6 tahun itu dengan sa-buah Dewan Pertuanan British yang sudah berumur beratus² tahun. Kita maseh di-pangkal jalan, maka tentu-lah—untuk melihat bagaimana kita hendak mensesuaikan diri, bagaimana kita hendak memajukan lebih jauh—mengambil masa yang lebih lama sedikit. Lima tahun bukan menjadi ukoran bahawa baik atau

tidak baik sa-buah Dewan Meshuarat sa-sabuah negara hendak di-berikan. Sa-panjang yang saya tahu, sa-takat ini, memang-lah Dewan Negara telah memainkan peranan-nya yang tersendiri dalam pemerentahan negara kita pada hari ini, dan kita merasakan maseh perlu dan tetap perlu ada-nya sa-buah Dewan Tertinggi dalam pemerintahan negara kita pada hari ini. Tidak ada sebab-lah bagi siapa untuk menunjokkan bahawa Dewan Negara ini tidak ada faedah maka kita hapuskan-lah saja dia, macham mana kata Ahli Yang Berhormat dari Batu pada petang semalam.

Kita nampak dalam Majlis City Council Pulau Pinang pun ada macham² perkara yang tidak baik, ada-kah kita patut hapuskan City Council Pulau Pinang yang di-perintah oleh Kepala Lembu itu? Bukan-kah pada tahun lepas ada macham² perkara berlaku—macham² enquiry hendak di-adakan dalam City Council Pulau Pinang? Ada-kah ini membolehkan atau mewajibkan kita mesti menghapuskan City Council Pulau Pinang? Kita harus melihat proses perjalanan sesuatu Dewan atau Majlis itu dari sa-masa ka-samasa dan kita baiki-lah, majukan-lah, perjalanan itu dari sa-masa ka-samasa. Dan dalam sa-buah negara yang menjalankan pemerentahan demokrasi memang kita memerlukan sa-suatu Dewan yang menjadi pertimbangan kepada Dewan Rendah atau Dewan Ra'ayat kita yang ada ini.

Ada juga sa-malam Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir mengatakan boleh jadi juga-lah dengan menambah Ahli² Dewan Negara dapat-lah di-beri kerja kepada orang² yang kalah pilehan raya; ini macham kata dulang paku serepeh. Tepok ayer di-dulang merechek ka-muka sendiri juga. Bukan semua orang kalah yang di-lantek. Orang kalah yang ada berkelayakan baik satu atau dua orang barangkali di-lantek, tetapi di-Kelantan asalkan kalah ada tempat jadi Senator, ada tempat jadi Setiausaha Politik semua di-sumbat. Yang dahshat lagi ada orang PAS di-Kelantan kalah dalam pilehan-raya Local Council. Perikatan dapat 6

kerusi PAS dapat tiga kerusi, pada satu tempat di-Kelantan. Kerajaan Negeri berhak melantek tiga orang lagi. Oleh PAS di-ambil 3 orang kalah itu di-lantek, jadi-lah 6 sama 6. Oleh kerana sa-orang dari ahli Perikatan yang menang itu jadi pengerusi, Perikatan jadi minority. Ini perbuatan PAS di-Kelantan pada hari ini. Memang-lah sa-mata² hendak memberi kerja, memberi peluang sahaja, kepada orang²-nya baik tidak baik, molek tidak molek, tidak kira, sumbat sahaja, sa-kerat-kah atau sa-paroh-kah, suka hati.

Ada juga pertanyaan dari Ahli dari Kelantan Hilir: apa kebolehan orang² yang di-lantek menjadi Setia-usaha Politik, apa pengalaman, apa kelulusan-nya. Tentang pengalaman dan berkelulusan ini, boleh-kah saya bertanya apa dia degree Setia-usaha Politik Menteri Besar Kelantan yang hari ini dapat pula kurnia Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan—J.P.—Jaga Pintu atau Jaksa Pengaman, saya tidak tahu. Khabar-nya sekarang ini ada satu kerusi kosong untuk Kerajaan Kelantan melantek dalam Dewan Negara, menggantikan tempat Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Adeeb—Senator yang telah meninggal. Dan saya dengar ada ribut gamat di-kalangan PAS siapa hendak pergi ka-sana. Orang kalah-nya banyak di-Kelantan. Ada yang kata Wan Mustapha, ada kata Dato' Mat Nasir, ada yang kata macham² lagi. Jadi jangan-lah bawa perkara saperti ini. Kalau mengata orang ada parut, parut awak kalau buka lebeh besar (*Ketawa*). Nanti malu lebeh kapada orang yang mengatakan itu.

Saya merasa bahawa oleh kerana pindaan yang ada dalam Rang Undang² ini, saperti yang di-katakan oleh Yang Berhormat dari Singapura, Tuan S. Rajaratnam pada petang samalam bukan pindaan yang besar, maka saya merasa kita tidak-lah memerlukan perbahathan yang panjang dalam perkara ini, dan saya nampak kalau Dewan yang mulia ini memang sedar akan tanggung-jawab-nya membuka jalan yang sa-luas²-nya kapada Kerajaan yang memegang tampok negara ini untuk berjalan dengan

lichin, untuk berjalan dengan baik, dan bagi Dewan ini untuk berjalan dengan baik, maka tidak ada sebab bagi Ahli² Yang Berhormat dari Pembangkang untuk membangkang Rang Undang² ini. Saya harap kita dengan senang hati sahaja boleh memberi chahaya hijau atau green light kapada Bill ini supaya dengan demikian Kerajaan kita akan berjalan terus menjalankan tanggung-jawab-nya dari sa-masa ka-samasa; dan memang-lah tanggung-jawab kita pula untuk melihat sa-takat mana perjalanan Kerajaan itu, terima kaseh.

Dr Awang bin Hassan (Muar Selatan): Mr Speaker, Sir, as a new comer to this House, I listened with rapt attention to the quotation, parable and sermon delivered by the paragons of political wisdom on this side of the House yesterday whilst speaking on the motion for this Amendment Bill to the Constitution.

Mr Speaker, Sir, we of the Alliance Party are filled with no less reverence for the Constitution and fully realise the implication of even a minor amendment to the Constitution. We have, however, reasons to believe that the Government must be faced with a genuine and urgent need for moving this Amendment Bill and has no alternative step to take.

With the creation of Malaysia, the Central Government has taken over tremendous amount of added responsibilities. Now, the transfer of responsibility for internal security for the State of Singapore, for example, and which has enabled the Honourable Member for Singapore to smile broadly now and sleep peacefully, must have put a severe strain on the Department and personnel concerned.

We are now in the throes of nation-building at home, and abroad we have to make our entry into the international field of politics and commerce in accordance with the demands of the time.

Last but not least, Sir, we have all these dreadful problems of Indonesian confrontation at hand, the end of which we are not able to foresee.

Now, Sir, may I ask the paragons of political wisdom of the other side of the House whether the present political set-up of the Central Government, which has been organised during the pre-Malaysia period, is adequate to cope with the overwhelming increase in domestic and international issues resulting from the creation of Malaysia which are facing the Central Government today. The answer must be obvious, Sir, to any right-thinking person. The political set-up of our Central Government demands immediate attention and strengthening. The appointment of Parliamentary and Political Secretaries is just a common feature of the democratic political set-up, although the Honourable Member from Singapore might feel highly gratified, perhaps, in thinking that the Central Government is taking a leaf from his book in creating appointments of Political Secretaries. In the case of the Central Government there might not be a genuine and pressing need for Political Secretaries in the past, but it has certainly arisen now.

If I may recall, Sir, the appointments of Political Secretaries in the P.A.P. Government, when it first took office, were filled by, or made to accommodate, comrade Lim Chin Siong and others, whose release from the detention was demanded by the P.A.P. as a condition for taking over the Government. I am sure that the appointments of Political Secretaries in the Central Government will be held by persons who will work for national interests.

Now, Sir, with regard to the Senate, it is only right that we, as a young and developing nation, should put our faith and trust in that political genius which has created the Upper House and which, in Great Britain, has stood the test of times and which, in our country, will make for stability and dignity of the nation.

Sir, it calls for great moral courage on the part of the Government to present this Amendment Bill in the face of unsparing criticism from the Opposition and also after realising its necessity and its implications. The Alliance Government, Sir, needs to act with vigour and determination to meet

its added responsibility in these perilous times.

I, therefore, support the motion.

Dato' Abdullah bin Abdulrahman (Kuala Trengganu Selatan): Tuan yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong kuat pindaan yang ada di-hadapan kita ini. Pada pendapat saya, sudah-lah sampai masa-nya dan sudah-lah kena pada kehendak suasana dan keadaan di-dalam negeri ini, pihak Kerajaan membuat pindaan yang ada di-hadapan kita hari ini. Jawatan seperti Political Secretary dan Parliamentary Secretary itu ada-lah mustahak khas-nya pada masa sekarang di-waktu mana Menteri² dan Penolong² Menteri terpaksa memikul beban yang lebeh berat dan kerja yang lebeh banyak dengan tertuboh-nya Malaysia. Menteri² dan Penolong² Menteri kita sa-lain daripada membuat kerja sa-hari², mereka itu juga kena pergi menghadhiri meshuarat², menghadhiri parti² atau pun jamuan rasmi dan juga private serta melawat ka-kawasan² mereka dan banyak lain lagi tugas² yang mereka buat.

Nampak-nya banyak bangkangan daripada Ahli² Yang Berhormat dari parti pembangkang mengenai ada-nya peruntukan untuk jawatan Political Secretary dan Parliamentary Secretary itu. Kedua² Ahli Yang Berhormat daripada Singapura dan Ahli Yang Berhormat dari Batu dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir mengeluarkan perasaan kebimbangan, takut² orang yang tidak layak dan orang yang tidak ada pengalaman di-lantek memegang jawatan² itu. Tuan Yang di-Pertua, kita semua mesti ingat ia-itu pegawai² ini bekerja dan akan bekerja dengan Menteri² yang berkenaan. Jadi, ini tidak-lah berpatutan dan tidak-lah munasabah kita memikirkan ia-itu orang² bodoh atau pun orang² yang tidak berpengalaman dan yang tidak berkebolehan akan di-lantek pada jawatan² itu. Kemudian sa-tengah² daripada Yang Berhormat itu ada juga mengatakan churiga ia-itu pegawai² Parliamentary Secretary dan Political Secretary ini bertentangan dengan kerja² yang di-buat oleh pegawai² Kerajaan pada masa sekarang. Mereka bimbang takut² kalau

tidak ada saling mengerti pada menjalankan kewajipan-nya; takut² pegawai² Kerajaan berada di-sa-belah pehak dan Political Secretary dan Parliamentary Secretary pula berada di-pehak yang lain. Di-sini juga patut kita faham ia-itu di-mana² pentadbiran Kerajaan, kita ada dengan General Order kita, kita ada dengan berbagai² circulars, berbagai² directive daripada pehak atas yang menunjukkan kepada Parliamentary Secretary, menunjukkan kepada Political Secretary dan menunjukkan kepada pegawai² Kerajaan umum chara menjalankan kerja. Dari sebab itu tidak mungkin perselisihan faham atau pun tidak mungkin perbalahan berlaku atau pun timbul dari Parliamentary Secretary dan Political Secretary dan Civil Service yang ada sekarang ini.

Yang Berhormat daripada Singapura ia-itu Timbalan Perdana Menteri juga melahirkan, ia-itu barangkali kata beliau elok kita menumpukan lebeh lagi kepada meninggikan taraf, atau pun mencheapkan lagi bahagian pegawai² Kerajaan kita ia-itu Civil Servants daripada memberi perhatian berat, atau pun mengadakan jawatan² baharu seperti Parliamentary Secretary dan Political Secretary pada masa ini. Daripada apa yang beliau lahirkan, nampak-nya beliau memberi faham kepada kita semua ia-itu, barangkali masa-nya belum sampai kita mengadakan jawatan² ini. Saya ta' setuju dengan-nya, pada pendapat saya jawatan ini akan melichinkan tugas² Menteri² kita yang sa-lama ini terpaksa memikul bebanan yang berat, dan saya tahu mereka itu kadang² ta' dapat berehat.

Menteri² kita, Penolong² Menteri kita sa-hingga ta' dapat berchuti, kerana terlampau sebok, kerana terlampau banyak tanggungan dan dengan ada-nya Political Secretary dan Parliamentary Secretary ini, saya perchaya pekerjaan mereka dan tugas mereka itu akan menjadi ringan sedikit dan kita tahu ini ada-lah samata² untuk faedah dan kepentingan kita semua dan kepentingan ra'ayat di-dalam negeri ini.

Banyak pula di-antara Ahli² Yang Berhormat daripada pehak Pembang-

kang marah pada pehak Kerajaan, kerana ta' memberi masa yang panjang kepada mereka itu untuk mereka mendapatkan pandangan daripada pengundi² di-constituency, atau pun di-kawasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus berfikir waras dan mengambil sikap yang berpatutan di-dalam menghadapi pentadbiran negeri. Sekarang pehak Kerajaan telah mendapati yang pindaan ini mustahak di-segerakan dan pehak Ahli² Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang tidak boleh bergaduh, tidak boleh berkata yang mereka tidak di-beri kesempatan untuk berfikir. Kita semua tahu, mengenai pindaan ini—kita di-beri beberapa hari untuk berfikir dan untuk mengeluarkan pandangan² kita dan sa-bagai sa-orang wakil ra'ayat, kita semua patut tahu akan tanggungjawab kita. Kita tahu dan patut tahu pada bila² masa pun apa yang dikehendaki oleh ra'ayat yang kita mewakili-nya itu. Jadi, saya suka juga hendak membuat sedikit kenyataan berhubung dengan apa yang di-tudoh oleh pehak Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir yang mengatakan, barangkali pehak Kerajaan sekarang ini tidak menaruh keperchayaan lagi kepada Yang di-Pertua kita yang ada pada hari ini. Pada pendapat saya ini ada-lah satu tuduhan yang melampau. Kita ta' ada membuat syarat di-dalam pindaan ini mengatakan Yang di-Pertua yang ada pada hari ini akan terpaksa kena berhenti dari jawatan. Kita semua tahu ia-itu sa-saorang itu tidak dapat hidup 100 tahun. Kalau bagi sa-saorang yang tempat-nya terpaksa di-ganti dan di-dalam membuat gantian itu, patut-lah kita ada kuasa, pehak Kerajaan ada kuasa mendapatkan sa-orang ganti yang sangat² menasabah dengan jawatan seperti Speaker ia-itu satu jawatan yang sangat penting.

Jadi, sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya juga berharap bahawa dengan ada-nya perlantikan Parliamentary Secretary dan Political Secretary ini, maka akan bertambah² lah lagi kecekapan Menteri² kita untuk menjalankan tugas²nya sa-hari²

bagi kepentingan negeri dan kepentingan ra'ayat di-dalam negeri ini; bukan-lah saya berma'ana yang sa-lama ini dengan ta' ada Political Secretary dan Parliamentary Secretary mereka tidak menjalankan kerja²-nya dengan chekap. Memang kita semua tahu yang Menteri² kita dan Penolong² Menteri kita sa-lama ini telah menjalankan kewajipan-nya, walau pun berat, walau pun ta' ada Parliamentary Secretary dan Political Secretary telah dapat menjalankan tugas²-nya dengan baik dan dengan chekap sa-kali. Sekian-lah.

Enche' Ali bin Haji Ahmad (Pontian Selatan): Tuan Yang di-Pertua, bantahan yang umum-nya di-kemukakan sa-chara keras oleh Ahli² Yang Berhormat daripada Parti² Pembangkang ia-lah mengenai chara pindaan ini di-kemukakan di-dalam Dewan Ra'ayat yang mulia ini. Kata mereka pindaan ini di-kemukakan dengan chara mengejut dan waktu yang di-beri untuk memikirkan masalah ini terlalu terbatas, atau suntok. Mereka juga mengambil pandangan daripada negara² di-Eropah dan Amerika. Jadi, soal-nya bagini: kalau di-Eropah dan di-Amerika, proses bagaimana yang kita chapai pada masa ini memakan masa 100 tahun; kita ambil contoh industrial revolution, 100 tahun. Tetapi kita di-sini tidak-lah perlu mengambil masa 100 tahun juga untuk mencapai hasil sa-bagaimana yang di-dapati oleh negara² Eropah itu. Oleh kerana itu kita harus berebut² mengejar masa.

Jadi, kalau di-Amerika dan di-Eropah, sa-suatu pindaan memakan masa berbulan² bahkan bertahun² dan juga sa-tiap pindaan memerlukan referendum, atau sa-bagai-nya, maka tidak-lah kita mesti mengikut chara² negara² ini, sebab-nya bukan-lah chara meminda itu yang penting, tetapi yang maha penting ia-lah tujuan dan hasil-nya. Ini yang penting sa-kali. Kita tahu bahawa tujuan Kerajaan Perikatan meminda ini ia-lah dengan tujuan yang baik dan dengan tujuan untuk mencapai hasil pemerintahan yang baik, yang sa-sungguh-nya mendatangkan faedah yang sa-banyak²-nya kepada ra'ayat dan negara kita. Kalau

di-fikirkan bahawa sa-suatu Kementerian itu hanya mempunyai sa-orang Menteri atau sa-orang Menteri Muda sa-bagai tambahan-nya, maka kalau di-rasakan tidak cukup, maka pehak Kerajaan mempunyai tanggung-jawab untuk meminda atau mengubah sa-suatu untuk melebihi chekapkan lagi perjalanan pemerentahan negara kita.

Kita sekarang bukan-lah sahaja sa-mata² hendak bermegah² dengan demokerasi berparlimen. Kita patut ingat kalau demokerasi berparlimen gagal memberi hasil yang memberi faedah kepada ra'ayat, maka alternative atau ganti-nya ia-lah chara pemerentahan yang bukan berdasarkan demokerasi berparlimen, sama ada yang akan naik ganti-nya itu gulongan kominis, yang kita sudah lihat sepak terajang atau tindak-tandok perjuangan Socialist Front di-negara kita ini yang sa-tiap langkah-nya itu menguntungkan perjuangan kominis di-negara kita atau gulongan tentera. Ada-kah ini sa-bagai latar belakang di-sabalek penentangan Ahli² Yang Berhormat daripada Socialist Front dalam Parlimen ini terhadap pindaan ini ya'ani hendak menggagalkan kejayaan demokerasi berparlimen kita? Atau pun yang akan nanti pemerentahan sa-chara one party system sa-bagaimana yang pernah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri Singapura, dan di-chabar oleh Yang Berhormat dari Batu, di-dalam suatu siaran talivishen dahulu. Saya pun tidak tahu betul. Jadi inikah di-sabalek bangkangan yang di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat daripada P.A.P. dalam Dewan ini, kerana kalau demokerasi berparlimen berjalan baik, maka one party system of government tidak mungkin naik di-negara kita ini, dan dengan yang demikian P.A.P. tidak akan dapat merupakan one party system to rule this country. Atau pun junta tentera tidak akan naik memerintah di-negara kita.

Soal yang terletak di-hadapan kita sekarang dalam mengkaji masaalah pindaan Perlembagaan ini ia-lah tujuan pindaan Perlembagaan ini ia-itu hendak memberi pentadbiran dan pemerentahan negara kita ini dengan

sa-chekap²-nya dan menguntongkan sa-banyak²-nya kepada ra'ayat. Ini tujuan-nya. Dan kalau kita menentang pindaan ini, maka bererti apa-kah kita hendak salah satu daripada tiga chara pemerintahan? Bayangan daripada sikap P.A.P. dan tidak di-nafikan oleh Yang Berhormat dari Singapura ia-itu Perdana Menteri-nya di-dalam satu siaran talivishen dahulu tentang one party system of government, atau pun pemerintahan chara komunis sabagaimana yang di-tunjokkan oleh tindak-tandok perjuangan Socialist Front sa-lama ini, atau pun junta tentera. Pileh-lah salah satu alternative atau ganti sistem pemerintahan demokrasi berparlimen kita. Dan kalau saya di-tanya: saya tegas mengatakan bahawa saya memilih demokrasi berparlimen, dan untuk demokrasi berparlimen akan berjaya maka tidak lain dan tidak bukan bahawa sistem demokrasi berparlimen itu hendak-lah sa-sungguh-nya dapat memberi faedah yang sa-banyak²-nya kepada ra'ayat. Dengan sebab itu-lah dan ini-lah salah satu sebab yang penting mengapa saya menyokong pindaan Perlembagaan ini.

Yang kedua-nya, masa yang di-beri itu terlalu suntok. Saya tidak-lah hendak merendahkan kechergasan berfikir Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan yang mulia ini. Beberapa jam sahaja kita sudah boleh memahami segala sa-suatu mengenai pindaan Perlembagaan ini. Kita tidak perlu memakan masa berbulan dan tidak perlu memakan masa bertahun². Sa-tengah jam sudah habis kita bacha dan sudah pasti kita faham sa-penohnya. Jadi masa yang di-beri itu saya rasa sudah cukup untuk kita memahami kalau sa-sungguh-nya kita mempunyai kechergasan berfikir. Jadi soal kesuntukan masa yang di-beri kepada Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini saya kira tidak timbul, kechuali kalau kita tidak mempunyai atau kurang kechergasan berfikir.

Ahli² Yang Berhormat daripada parti² Pembangkang khas-nya daripada Parti PAS dan Socialist Front, membantah tentang perkara Setia-usaha Parlimen dan Setia-usaha Politik (Parliamentary Secretary and

Political Secretary). Mereka mengatakannya bahawa sudah cukup-lah dengan adanya Pegawai² Perkhidmatan 'Awam yang banyak, dan di-arahkan pula kepada bangku² yang di-bela-kang barisan saya. Tetapi saya ingin mengingatkan ia-itu Ahli² Yang Berhormat itu sudah sa-patut-nya faham perbezaan kuasa, perbezaan peranan dan perbezaan tugas antara Pegawai² Perkhidmatan 'Awam dengan tokoh² politik dalam sistem pemerintahan negara. Pegawai² Perkhidmatan 'Awam hanya memberikan nasihat profesional atau perjawatan dan melaksanakan-nya, tetapi tugas² tokoh² politik sa-umpama Menteri, Menteri Muda, Setia-usaha Parlimen dan Setia-usaha Politik ia-lah memula dan membentok polisi (to initiate policy). Jadi saya rasa perbezaan tugas, peranan dan kuasa ini sudah terlalu jelas. Ini telah saya kemukakan tadi sabagai satu contoh. Jadi kalau kita banyak mempunyai Pegawai² Perkhidmatan 'Awam, maka tidak bererti-lah kita tidak harus mempunyai lebih daripada Menteri di-dalam sa-suatu Kementerian. Kalau hujah itu hendak di-kemukakan nampak benar-lah kejahilan kita tentang perbezaan di-antara legislative dengan executive dan di-antara peranan, kuasa dan tugas tokoh² politik dengan Pegawai² dalam Perkhidmatan 'Awam Negara. Dan lagi bertambah-nya tokoh² politik chara lebih dekat dan chara lebih langsung ia-itu lebih direct dalam pentadbiran negara ia-lah menguatkan kawalan, menguatkan pengawasan parti yang memerintah negara ka-tas pelaksanaan polisi parti yang memerintah itu. Jadi kalau kita tidak awas dengan sa-cukup dan sa-berkesan²-nya, maka kalau polisi itu tidak berjalan oleh berbagai hal, maka yang akan di-salahkan ia-lah parti yang memerintah. Tetapi di-satu pihak parti² Pembangkang sa-olah² tidak mahu parti yang memerintah dapat mengawal dan dapat mengawasi pelaksanaan polisi² pemerintahan. Ini-lah irony, ini-lah paradox, hujah² atau argument atau logik daripada parti² Pembangkang ia-itu berchakap tanpa berfikir sa-chara mendalam lebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir sa-malam telah menudoh bahawa pindaan Perlembagaan ini di-kemukakan untuk memberi jawatan kepada Ahli² Politik Perikatan yang tidak mempunyai pengalaman. Saya minta bagini-lah: ukor baju di-badan sendiri—(AN HONOURABLE MEMBER: Hear, Hear!)—Kalau Ahli² Parlimen daripada PAS itu tidak mempunyai pengetahuan dan tidak mempunyai pengalaman, maka jangan-lah pula dikenakan ukoran itu kepada Ahli² Politik daripada Parti Perikatan. Lihat sendiri latar belakang, lihat sendiri pengetahuan, lihat sendiri kecekapan Ahli² daripada Parti Perikatan. Jangan-lah mengukor baju orang di-badan sendiri. Itu sahaja. Ini merbahaya. “Macham katak di-bawah tempurong” akhir-nya. Dan patut saya tegaskan di-sini: tuduhan yang sampama ini ia-lah tuduhan yang melulu dan naïve sa-mata². Apa yang di-katakan oleh Yang Berhormat dari Kelantan Hilir sa-benar²-nya “tepok ayer di-dulang mercek ka-muka sendiri”. Ahli² Yang Berhormat daripada PAS yang dahulu-nya memerintah Trengganu, mereka itu tidak mempunyai kecekapan, bergaduh sama sendiri akhir-nya pemerentahan PAS di-Trengganu terlingkup habis jatuh dan ra'ayat-lah yang menderita sehingga Perikatan menyelamatkan mereka di-Trengganu sana. Kemudian kita lihat di-Kelantan, Ahli² Yang Berhormat dari PAS yang memerintah negeri Kelantan itu tidak ada mempunyai kecekapan, tidak ada mempunyai pengalaman. Kita lihat di-Kelantan apa yang telah jadi sampai buat jambatan pun tidak siap—siap sa-kerat itu pun macham² bunyi . . .

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan.

Enche' Ali bin Haji Ahmad: Silakan.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Ahli Yang Berhormat yang berchakap ini dia tidak tahu kerana jambatan yang sedang di-buat oleh Kerajaan PAS itu akan sudah dalam bulan 9 ini, tetapi kerana kejahatan Yang Berhormat itu . . .

Enche' Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, “penyu bertelor beribu² kita tidak dengar, ayam bertelor sa-biji heboh sa-buah kampung” (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu sa-malam memetek pendapat Professor Groves di-dalam buku-nya mengenai Senate—mengenai Dewan Negara kita. Saya tidak tahu Professor Groves mana yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu sa-malam. Tetapi saya pernah mengenal sa-orang yang bernama Professor H. Groves yang pada satu masa pernah menghadhiri bersama² dengan saya persidangan First International Conference of South East Asian Historians. Beliau menulis sa-buah kertas kerja yang bernama “Notes on the Constitution of Federation of Malaya”. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Batu itu persidangan ini di-adakan pada January, 16 hingga 21 tahun 1961. Professor H. Groves baharu datang dua tiga minggu ka-Persekutuan Tanah Melayu dahulu dan terus membuat Notes on the Constitution of Federation of Malaya dengan mengatakan bahawa Constitution atau Perlembagaan Tanah Melayu tidak demokratik oleh kerana ada-nya hak istimewa orang² Melayu. Jadi di-sini yang menjadi persoalan kepada kita ia-lah sikap atau dasar Socialist Front di-negara kita ini. Kalau betul-lah chabutan ini daripada professor yang saya sebutkan ini, maka nyata-lah ia itu Socialist Front di-negara kita ini merupakan gerakan anti-Melayu sa-mata². Siapa juga yang sama berpendapat dengan-nya walau pun jahil tentang Perlembagaan negara kita maka terus² di-setujui dan di-kemukakan di-dalam Dewan yang mulia ini. Jadi chabutan² yang di-asaskan kepada pendapat² orang yang tidak objective pandangan-nya terhadap negara kita—yang tidak objective pandangan-nya terhadap Perlembagaan negara kita—tidak harus-lah di-bawa ka-dalam Dewan yang mulia ini. Jadi kesimpulan-nya, kejahatan di-luar itu di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu ka-dalam Dewan ini dan hendak di-sogokkan kepada kita pula. Kita dapat menimbang kalau benar-lah Professor

Groves ini dan ini-lah authority bagi Ahli Yang Berhormat dari Batu itu. Jadi saya tidak menghiraukan-lah kalau Ahli Yang Berhormat dari Batu itu menchela Dewan Negara kita ini; tidak menghairankan kepada saya semua sa-kali.

Dato' Dr Ismail: On a point of clarification—for the whole Opposition?

Dr Lim Chong Eu: Sir, I feel certain that this particular aspect of our development as a democratic nation, which must develop not through the provisions of law or the provisions of constitutional change but through the passage of time, the tradition and the experience that our nation has, will certainly make it quite feasible that all Opposition Parties will subscribe to the form and manner of our democracy, and will in future certainly respect the position of the Speaker; and if the Speaker so chooses to stand for re-election, they would, I am certain, by tradition, slowly build up a process where that particular seat would not be contested. Sir, however, I do hope that the Alliance Party in its power would not choose under those circumstances to put the Speaker in their weakest possible constituency so that the Opposition is deprived of some of the possible benefits of elections. (*Laughter*).

Sir, I feel from these three points—first, the slow introduction of Parliamentary Secretaries from the Upper House, then the building up of the concept of Political Secretaries who need not necessarily be a member of any House, and now the question of the Speaker, who need not necessarily be a member of this House—all boil down finally to one cardinal aspect of our Constitutional problem. Sir, this matter is really not a matter for us to debate strongly. If the Honourable the Minister of Finance can find the money for all these Political Secretaries and Parliamentary Secretaries, what objection can we have? But the constitutional problems is just whether our country is a democratic country based on parliamentary democracy. Is the nature of this very House itself to be sacrosanct? This House which is the ultimate legislative body of the nation, this House which is the ultimate body to represent the interests of the people, this House which is charged with the

responsibility of preserving the spirit of our Constitution, this House which is charged with the greater responsibility of refining and developing and instilling into our very lives the meaning of the word "democracy" as it appertains to us, should it derive its powers and its position from the process of free elections, or it is going to be contaminated and adulterated by other process, which we cannot accept as truly democratic? That, Sir, is the issue that we have to understand.

Sir, therefore, I would like to end up by saying this. I am quite certain that my former friends on the Front Benches of the Government, with whom I have had long discussions, over nights, days and months, on the question of the Constitution, will appreciate that what I say now from across this side of the floor is not meant in any way to imply any arrogance, any failure of responsibility on their part. I feel that there is still some sensitivity,—although when I brushed with the Honourable Minister of Works, Posts and Telecommunications yesterday his reactions were almost a hyper-sensitivity reaction, one which the Ministry of Health could well look into although I had no desire to provoke any undue response—Sir, I do urge the Front Bench of the Government to appreciate that many years ago we did discuss the question of the appointment of Parliamentary Secretaries, and the development of the concept of Political Secretaries, I think, is an innovation which they have developed themselves. But certainly, Sir, there is no need for any constitutional amendment for the creation of these posts. There is no need for us to halo the position, particularly that of a Political Secretary who has not been elected, or the position of a Speaker, who has come into this House not by the due process of election but by appointment; there is no need for us to amend the Constitution for that purpose.

Dato' Dr Ismail: On a point of explanation. May I elucidate from the Honourable Member, how can one do it without amending the Constitution? I am very interested to know, because

he has not said how it can be done. I would like to know from him.

Dr Lim Chong Eu: That it should not be done at all. (*Laughter*) Sir, I have implied it should not be done at all. I think that we should be happy with the present provisions of our Constitution where the Speaker is appointed from amongst the elected Members of this House and there is no need for us to make an amendment to the Constitution to provide for the appointment of a Speaker, who does not come into this House by the usual, normal democratic means of our nation, of our Constitution—namely, through the process of free and direct elections. Sir, under the circumstances, I must say that our opposition to this Bill stems: firstly, from the point of view of the untimeliness of the Bill—because if we pass this trivial Bill with its deeply important overtone of the adulteration of the democratic process of our country at a time when our Prime Minister is away trying to convince the rest of the world that we are a democratic country, we will be passing it under the power of the Whip; secondly, our nation is going through a period of test of unity throughout the nation—and unity in this House over fundamental issues should be real and flexible; and thirdly, because of the very triviality of the proposition—I mean that the amendments could have been brought in in other forms, (1) for Parliamentary Secretaries, through the recommendation of the House Committee with the approval of the Minister of Finance through an ordinary legislative Bill; and (2) for a Political Secretary to be recognised as more help being required for the Prime Minister with the approval of the Minister of Finance through a Bill asking this House for provision for a greater number of posts in the Civil Service. These are the various ways whereby we can meet the various needs that the Government feels it has.

Sir, in this final and last rejection of what we believe to be sacrosanct, what we believe to be of vital and fundamental importance to our form

of democracy, namely, the position of this House, the position of the Speaker, vis-a-vis this House, the necessity of this House to develop and to be established through the process of free parliamentary elections, all these three factors taken into consideration make it necessary for us at this stage, at this time, to oppose the Bill, and I will strongly ask all those who are convinced in their hearts, not by the exigencies and the needs of the House, but by what they believe to be democracy, as we want to establish it for this country, not to let this Bill go through the second reading in order that we may best preserve the very spirit of the Constitution under which we work, so that we can best assist in the development of the kind of democracy that we want to prevail in our nation.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, Bismilla hirrahman nirrahim (dalam bahasa Arab).

Mr Speaker: Bahasa yang digunakan di-dalam Majlis ini ia-lah bahasa Melayu dan Inggeris sahaja. Kalau sa-kira-nya Yang Berhormat hendak menggunakan bahasa Arab atau sabagai-nya hendak-lah di-tafsirkan atau di-terjemahkan dalam bahasa Melayu (*Ketawa*), sa-kali pun do'a.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, di-dalam mengubah Perlembagaan itu nanti pehak Kerajaan sedang meruntuhkan rumah mereka itu sendiri itu-lah sebab mustahak Uhari ribu (Arab).

Tuan Yang di-Pertua, memandang kapada sebab² atau pun tujuan² dan sa-bagai-nya yang di-terangkan oleh pehak yang mengemukakan Bill ini dan di-tambah pula oleh penerangan² dan penjelasan² di-berikan oleh backbenches dan kadang² malah kerap kali berlawanan balek sa-mula dengan apa yang di-kemukakan oleh Menteri yang berkenaan ia-itu ada di-bahagikan kapada dua sebab, yang pertama oleh kerana Menteri² dan Menteri² Muda kita terlalu banyak tugas-nya kerana yang kedua ia-lah kerana Perlembagaan kita ini ia-lah satu perkara yang hidup dan bukan mati.

Tuan Yang di-Pertua, masaalah banyak tugas ada-lah satu perkara biasa bagi sa-orang Menteri dan saya suka-lah menyebutkan bahawa alasan ini tidak-lah sa-patut-nya menjadi satu sebab dan tujuan sa-hingga Perlembagaan sa-sabuah negara itu diubah sa-kali pun daripada kekurangan kaki tangan yang hendak menjalankan kerja² yang lebeh banyak merupakan routine daripada urusan² yang besar. Tuan Yang di-Pertua, saya teringat satu pantun yang berbunyi: "Kalau takut di-lambong ombak jangan berumah di-tepi pantai, kalau takut tugas yang banyak, jangan chuba masuk partai". Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah perubahan tidak-lah pula kita hendak bahathkan dalam segi Perlembagaan kita yang berchorak rigid atau pun inflexible, saya bersetuju bahawa Perlembagaan kita ini satu perkara yang hidup dan yang hidup mesti bergerak sebab memang sifat bagi yang hidup itu dia bergerak.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana pun di-dalam kita hendak mengubah Perlembagaan ini, kita dapati ada dua perkara yang menimbulkan perasaan hairan ia-itu di-dalam Clause 5 Article 43B dan juga 43C ia-itu dalam Clause ini berkehendakkan kapada jawatan² baharu di-dalam Parlimen ini. Pada hal Parlimen kita sudah chukup-lah di-penuhi dengan Ahli² yang di-pilih atau pun yang melalui proses yang munasabah bagi Dewan seperti Dewan yang bertuah ini. Apabila kita tambahkan lagi Ahli² yang tidak menerusi saloran yang sa-benar akan menambahkan lagi jatohnya nama baik Dewan ini kerana pada masa ini juga sudah chukup kita mempunyai manusia² yang masuk kamari melalui jalan² yang tidak begitu sehat. Bagi pendapat saya ia-itu orang² yang kalah boleh dudok semata² menerusi Undang², ia-itu mereka² yang tidak patut dudok di-sini pun ada dudok di-sini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang dengan ada-nya pindaan Perlembagaan ini daripada Article yang di-berikan itu, boleh juga di-buat satu Undang² dan di-masokkan lagi Setia-usaha² Politik itu pada

Parliamentary Secretary dengan Parliamentary Secretary yang sudah ada ini. Jadi dengan perasaan semata² ada Clause dan Article di-dalam Perlembagaan, kita membenarkan kita berbuat begitu. Dengan yang demikian tidak-lah ada nama baik dan dignity atau prestige menerusi proses election atau pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, itu ada-lah di-dalam kita memikirkan kedudukan Tuan Yang di-Pertua itu ada-lah satu perkara menghairankan dan satu perkara yang lebih hairan dan ajaib ia-lah di-dalam kita memikirkan kedudukan Tuan Yang di-Pertua—Speaker sendiri boleh di-lantek daripada orang² yang bukan Ahli di-dalam Dewan ini atau Dewan Atas. Tetapi yang menjadi hairan dan ajaib-nya Deputy-nya atau Timbalan-nya itu tidak begitu pula. Jadi yang besar tidak mesti, yang nombor dua, mesti—ini-lah saya kata hairan bin ajaib. Kemudian daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, yang hendak di-lantek ini nampak-nya akan bertanggung-jawab kepada Perdana Menteri ia-itu tentang perbelanjaan-nya akan di-putuskan oleh Cabinet; duit minta di-situ juga-lah. Dan begitu juga tentang bila dia hendak bekerja dia hendak sumpah, bila dia hendak berhenti semua-nya terpulang kepada Cabinet atau pun sa-kurang²-nya Perdana Menteri memutuskan. Tuan Yang di-Pertua, lantekan bagini menambahkan burok lagi lantekan itu kerana Setia-usaha itu tidak akan dapat bekerja dengan sa-benar kerana dia takut kalau dia itu di-berhentikan kerja atau di-buang. Jadi ada-lah lebih baik kalau jawatan² mustahak ini di-serahkan kepada Civil Service dan saya perchaya Dewan ini akan menerima kalau kita menambah lagi kechergasan mengikut tunjok Perdana Menteri dari satu masa ka-satu masa dengan semata² hendak menjaga kedudukan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah Yang Berhormat² Menteri² dan Menteri² Muda itu berhajatkan penolong² dan Setia-usaha² yang sama sa-hulu dengan mereka itu, saya rasa tidak-lah mustahak sangat di-bawa perkara itu di-dalam meminda Undang² Perlembagaan, kerana apa yang dapat saya

faham daripada ucapan² dari parti yang memerintah sendiri, menunjokkan mereka itu mempunyai pengetahuan yang tinggi ia-itu higher calibre membetulkan dari dalam ia-itu memilih Menteri² Muda yang mempunyai degree² dan diploma² supaya tidak-lah pula Menteri yang sa-benar itu dapat Menteri Muda yang gulongan lebih macham Menteri yang atas juga, jadi terpaksa Menteri² itu kita mengadakan Setia-usaha Politik-nya dan Setia-usaha Parlimen-nya. Saya berasa kalau macham itu di-buat, dan kalau macham itu di-pilih ahli² pehak yang memerintah daripada orang² yang berkebolehan dalam satu lapangan itu, saya rasa masalaah itu tidak berbangkit dan apa-tah lagi hendak di-bawa masuk dalam Perlembagaan dan mengubah Perlembagaan.

Saya menchabar Kerajaan menunjokkan kejujuran-nya dalam perkara ini. Saya menudoh Kerajaan, bahawa Kerajaan chuba membuat Perlembagaan ini sa-bagai programme kempen Pilihan Raya tiap² hari, ia-itu bila kosong di-tambah sa-hingga Perlembagaan ini pula yang akan meliputi seluruh Malaysia ini juga di-buat dengan aliran yang begitu. Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah pehak Kerajaan yang mengemukakan Bill ini berasa jujur benar² mustahak supaya benda yang hidup itu bergerak boleh diubah, saya chabar pehak Kerajaan supaya mengadakan pindaan berkenaan Nationality bagi bangsa ini—ia-itu nama kebangsaan bagi negara ini di-tentukan lebih baik daripada meminda Undang² dengan sa-mata² hendak memasukkan Political Secretary atau pun Parliamentary Secretary. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, masalaah itu lebih besar daripada Setia-usaha Politik atau Setia-usaha Parlimen—yang itu di-tinggalkan, dan yang kecil di-bawa masuk di-dalam Dewan ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, nyata-lah kalau kita katakan bahawa motive atau pun niat dalam menentukan Bill ini ada-lah akibat daripada kurang puas hati daripada pehak sa-sama yang memerintah itu sendiri, saya rasa tidak-lah mustahak berchakap panjang kerana Ahli² Perikatan lebih interest dalam perkara ini dan mereka

itu memberi jawapan lebih banyak daripada Menteri yang berkenaan yang patut menjawab. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat-lah memahami bahawa Kerajaan Perikatan yang memerintah sekarang ini chuba hendak menjadikan Perlembagaan Tanah Melayu ini sama-lah dengan Perlembagaan parti politik-nya sendiri sahaja. Jadi, boleh di-tukar perkara² yang kecil, dan kita minta-lah kalau ada pindaan² sa-kali pun biar-lah perkara² yang besar terutama sa-kali perkara yang saya kata berkenaan dengan Nationality itu tentu-lah saya akan sokong. Saya tidak-lah bermaksud hendak meminta supaya Melayu itu atau pun apa² menjadi kebangsaan di-dalam Perlembagaan itu. Tetapi, saya minta perkara yang utama patut di-utamakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa-alah ini tidak-lah pula saya berchakap tanpa berfikir lebih dalam sa-bagaimana yang di-katakan oleh pehak² backbenchers itu, kerana saya rasa dalam membangkang itu mustahak sangat berchakap terutama di-dalam meminda Perlembagaan ini. Ada satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang saya rasa patut kita berchermat meminda Perlembagaan ini ia-itu berkenaan dengan mengadakan jawatan Setia-usaha Parlimen daripada Ahli² mana² satu Rumah sama ada Dewan Ra'ayat atau pun Dewan Negara. Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini ada Ahli² yang di-lantek, jadi pada pendapat saya Ahli Dewan Negara ini kerja-nya sa-bagai rubber stamp, tetapi kedudukan-nya lebih tinggi daripada Dewan kita ini. Kalau-lah di-takdirkan, saya perchaya itu akan di-takdirkan oleh pehak pemerintah ia-itu orang yang di-lantek menjadi Ahli Dewan Negara itu akan menjadi Setia-usaha kapada sa-orang Menteri atau Menteri Muda yang oleh kerana kurang chekap-nya bekerja dalam Dewan rendah ini, jadi yang di-atas itu menjadi Setia-usaha kapada orang yang bawah itu. Ini saya perchaya ada kemungkinan sa-kali pun di-dalam penjelasan atau statement itu boleh di-nafikan. Dengan memandang perkara² itu, saya minta pehak Kerajaan ini memikirkan lebih

dalam atau sa-kurang²-nya menang-gohkan pindaan ini kapada meshuarat kita sa-kali lagi, supaya mereka itu tidak-lah melakukan Yuharribunahum Pibuyutihim Biaidihi sakan-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' C. V. Devan Nair (Bungsar):

Mr Speaker, Sir, I shall not take much of the time of the House.

It seems to me, Sir, that what really worries large numbers of people outside this House is not so much the substance of the Bill—the provisions for Parliamentary Secretaries, Political Secretaries, extra Senators and so forth—but the manner and the method of changing such a vital instrument, a basic instrument, as the Constitution of Malaysia. Whether the Parliamentary Secretaries, the Political Secretaries and the new Senators will do any good, will depend upon the kind of people whom the Government chooses. They may do some good, or they may prove to be chronic embarrassments to the Government, or they may just be mere additions to the galaxy of rather unproductive V.I.P.'s whom we have in this country. But that is the Government's pigeon. What really worries us, Sir, as I said, is the manner and method and the ease with which the Government attempts to change such a vital instrument, a basic instrument of democratic life, as the Constitution, under such short notice.

Sir, some time this morning, an Honourable Member from the Alliance Bench had occasion to refer, in this connection, to the one-Party system and he associated it somehow with the P.A.P. I really did not understand what he was up to, but I may point out, Mr Speaker, Sir, that it is in a one-Party system that Constitutions are changed overnight or within a period of twenty-four hours or in a matter of a couple of days. In a democratic State, in changing such a vital instrument, a basic instrument, as the Constitution of the State, ample notice is given not only to the Members of the House but to the members of the public. But, as I said, the fear that must be assuaged

in the public mind is that the Government will not use this as a precedent to attempt to bulldoze changes in the Constitution, in a basic instrument which governs our life in the same manner, because the Constitution is a basic document which lays down the rules which will govern the running of the State and the nation.

Another Member, in attempting to justify the short notice which was given to the House and to the nation, had occasion to refer to the fact that the P.A.P. in Singapore allowed only nine days for the conduct of election campaigns. Perhaps, the House should be informed that this has become rather a stale objection. This nine days' limit, Sir . . .

Mr Speaker: How long will you take to finish your speech?

Enche' C. V. Devan Nair: Sir, I shall take another three or four minutes at the most.

Mr Speaker: Please proceed!

Enche' C. V. Devan Nair: Thank you, Sir. That was my last point. This, Sir, is a very stale objection. This nine days' limitation for election campaigns was not taken from Soviet Russia or from China or from one-party States, but the practice has been taken from the Mother of Democracies—the United Kingdom—itself; and I don't think it will be seriously suggested that P.A.P. influence has been rife in the U.K. over the last few decades. Also, Sir, perhaps on some occasions in the past few decades, General Election campaigns in the U.K. may have been conducted within this period of nine days. What I would like the Government to assure not only the House but the people is that, in changing the Constitution, much more time will be given in future to the Members of this House and to the nation at large, the Constitution being the basic and vital document that it is to our State and to our nation. Thank you.

Mr Speaker: The sitting is suspended till half past four this evening.

Sitting suspended at 12.00 noon.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

Mr Speaker: Ahli² Yang Berhormat, saya suka menarek perhatian Ahli² Yang Berhormat, ia-itu ramai Ahli² sudah mengambil bahagian membahathkan Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan dari hari sa-malam hingga hari ini, dan saya perchaya ramai lagi yang suka hendak berchakap, tetapi oleh sebab di-hadapan kita ini ada 10 Rang Undang² lagi yang patut di-habiskan dalam masa tiga sa-tengah hari lagi, tambahan pula bahathan Rang Undang² Anggaran Belanja Tambahan ini akan mengambil masa yang panjang, dari itu tidak-lah dapat saya memberi peluang kepada Ahli² Yang Berhormat berchakap apakala sampai masa lebeh kurang pukul 5.30 petang ini, kerana memberi peluang kepada Menteri yang berkenaan menjawab atas pandangan, tegoran dan pendapat daripada Ahli yang telah berchakap.

Saya minta-lah dan saya merayu supaya Ahli² Yang Berhormat dapat berchakap dari pukul 4.30 hingga 5.30 sahaja—berchakap sa-beberapa pendek supaya dapat beberapa orang lagi berchakap.

Perbahathan di-atas Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan di-sambong sa-mula.

Dato' Syed Ja'afar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Yang di-Pertua, dari sa-malam lagi Dewan ini telah mendengar pandangan² yang telah di-churahkan di-dalam Dewan ini oleh beberapa orang Ahli daripada puak² Pembangkang. Kita yang di-sa-belah sini ta' dapat hendak berharap, atau tidak berharap hendak mendengar daripada Ahli² Pembangkang sa-lain daripada apa yang kita telah dengar. Apakala saya mendengar Ahli² daripada puak Pembangkang membahathkan Rang Undang² (Pindaan) kepada Perlembagaan ini, saya terpandang sa-olah² langit ini akan runtoh, dan bumi ini akan kiamat agak-nya. Bagitu hebat dan dahshat sa-kali tegoran² yang di-datangkan oleh Ahli² daripada puak Pembangkang itu. Sa-olah² puak Pembangkang

itu telah menggunakan meriam yang besar untuk membunuh nyamok yang kechil.

Saya dapati ulasan² daripada Ahli² puak Pembangkang itu nampak²-nya terbit daripada fikiran yang keliru dan masing² tidak tahu apa yang di-bangkang-nya dan menjadikan Dewan ini keliru daripada pandangan² yang diterbitkan oleh mereka itu. Kita tidak tahu apa yang di-bangkang dan ta' di-setujukan oleh Ahli² Pembangkang itu. Ada kala-nya kita dapat menangkapi daripada ucapan² mereka itu sa-olah² mereka menentang pindaan itu, perkara² yang di-dalam pindaan itu, dan ada kala-nya mereka menyuarakan tidak setuju-nya Perlembagaan ini di-pinda, dan ada kala-nya pula suara² tepat mengatakan bahawa chara² pindaan itu di-datangkan tidak sesuai, kerana Kerajaan telah bergopoh-gapah meminta Dewan ini meluluskan pindaan ini dalam masa yang singkat, tidak chukup peluang untuk Ahli² Dewan ini memikirkan segala implication daripada pindaan² ini.

Ahli² daripada P.A.P. sendiri daripada Singapura dalam perbahathan mereka, ada kala-nya menggambarkan sa-olah² Kerajaan ini telah membuat satu kesalahan yang besar, kerana membuat pindaan kepada Perlembagaan yang kita sifatkan sa-bagai satu benda, atau satu perkara yang suchi. Kita bersetuju yang Perlembagaan itu satu perkara yang mulia, yang patut di-pertahankan, tetapi bukan-lah kerana Perlembagaan itu mulia, atau suchi, maka kita tidak harus meminda-nya dari satu masa ka-satu masa mengikut kehendak dan keperluan perubahan zaman. Tetapi, dalam tafsiran itu juga, kita dapat memahamkan bahawa bangkangan P.A.P. itu bukan di-tujukan, bukan mereka tidak bersetuju yang Perlembagaan itu harus di-pinda, tetapi yang mereka pertengkarkan dan bicharakan ia-lah chara pindaan ini di-kemukakan kepada Dewan Ra'ayat ini. Mereka menganggap bahawa perkara itu telah di-bawa dengan gopoh-gapah. Saya bersetuju supaya tiap² pindaan kepada Perlembagaan itu di-kemukakan dengan memberi peluang yang chukup kepada Ahli² Dewan ini menimbang-

kan-nya dari segala segi, tetapi pindaan² sa-umpama yang ada di-hadapan Dewan ini, saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, tidak memerlukan begitu banyak masa, kerana pindaan² ini ada-lah pindaan² yang "straightforward" dan tidak merosakkan sa-siapa, dan tidak merampas hak sa-siapa, dan tidak membinasakan kebebasan sa-siapa, baik dalam Dewan ini, atau pun di-luar Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat daripada P.A.P. dari Singapura telah chuba mengatakan bahawa hendak-lah Setia-usaha Parlimen dan Setia-usaha Politik itu di-pilih daripada orang² yang benar² boleh menoleng Kerajaan dan Menteri² serta Menteri² Muda. Saya bersetuju dengan pandangan² yang sa-umpama itu, tetapi kalau P.A.P. berpaling kepada Setia-usaha² Parlimen dan juga Setia-usaha² Politik yang ada di-negeri Singapura itu, barangkali P.A.P. akan berasa perlu menasihatkan diri mereka sa-belum menasihatkan kami yang ada di-sabelah sini (*Tepok*).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang—saya tidak ingat kawasan-nya—Tanjong, kalau saya tidak salah—dia tidak ada petang ini—telah berchakup panjang lebar dalam perbahathan berkenaan dengan Perlembagaan ini. Beliau telah berputar belit di-dalam ucapan-nya hendak meyakinkan kita dan hendak meyakinkan Dewan ini bahawa dengan ada-nya pindaan yang ada di-hadapan Dewan ini, maka demokerasi dalam negeri ini telah hanchor-lebor. Tetapi saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu apa-kah hak² asasi yang ada di-dalam Perlembagaan ini yang telah di-rampas dan di-cheroboh oleh pindaan yang kita bawa ini? Ini yang menjadi soal apakala kita membahathkan pindaan yang ada di-hadapan Dewan ini. Ada-kah hak kita memilih atau mengundi telah di-tarek daripada kita dan daripada ra'ayat negeri ini dengan ada-nya pindaan ini? Ada-kah hak² yang halal bagi kaum² yang bukan Melayu yang ada dalam negeri ini telah di-tarek daripada mereka dengan ada-nya pindaan² ini? Ada-kah kebebasan

judicial telah binasa dengan pindaan² ini? Ada-kah kebebasan Perkhidmatan 'Awam telah rosak dan chedera dengan ada-nya pindaan² ini? Ada-kah hak² asasi manusia yang ada terjamin dalam Perlembagaan itu telah tersentuh dan rosak dengan pindaan² yang ada di-hadapan Dewan ini? Satu pun daripada itu tidak ada. Tidak ada satu yang tersentuh. Tidak ada satu yang chedera. Tidak ada yang kita hendak mati kerana-nya dan yang rosak binasa kerana pindaan yang ada di-hadapan Dewan ini. Jadi, saya tidak mengerti mengapa puak Pembangkang begitu ganas sa-kali di-dalam ucapan² mereka membahathkan pindaan yang berupa pindaan straight-forward atau lurus, tidak merosakkan sa-siapa dan tidak membinasakan sa-siapa. Pukul rata puak Pembangkang yang berchakap berkenaan dengan pindaan Perlembagaan ini nampak-nya menyatakan perasaan bimbang mereka atau menyatakan tidak setuju mereka Perlembagaan ini di-pinda. Tetapi daripada perchakapan mereka saya dapat membacha dan memahami bahawa mereka juga kalau dapat peluang akan meminda dan mengoyakkan Perlembagaan yang ada ini (*Tepok*). Jadi, nampak²-nya chara ahli² Pembangkang ini berfikir, ia-itu kamu tidak berhak pinda, tung-gu kami berkuasa, kita akan hanchorkan Perlembagaan itu. Kalau ini-lah chara puak Pembangkang berfikir menghadapi satu soal yang sa-umpama ini, mari kita ucapkan selamat jalan dan selamat tinggal kepada akal fikiran mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Menglembu dan begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Bachok sa-malam sama sa-nada dan sama sa-lagu chuba hendak menahan backbenchers atau pun penyokong² Kerajaan daripada berchakap dalam Dewan ini dalam perkara yang sedang kita hadapi. Ahli Yang Berhormat dari Menglembu mengatakan backbenchers yang berchakap itu hanya hendak menunjukkan kebolehan, mudah²an boleh mendapat pandangan daripada Menteri², dan boleh dilantek menjadi Parliamentary Secretary atau Political Secretary. Ini satu

tuduhan yang jahat yang tidak patut terbit daripada sa-orang saperti Yang Berhormat dari Menglembu. Dia tahu benar² Dewan ini tempat kita mengeluarkan fikiran dan pandangan kita. Sama ada fikiran dan pandangan kita itu di-setujui oleh Yang Berhormat dari Menglembu atau tidak—itu soal lain—tetapi untuk menahan dan untuk chuba meletakkan batu penghalang pada kita backbenchers atau penyokong² Kerajaan untuk memberi buah fikiran, ini satu fikiran dan perbuatan yang dia akan berasa malu akan dirinya mengemukakan chakap yang sa-umpama itu. Begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Bachok yang mengatakan jangan-lah kamu backbenchers atau penyokong² Kerajaan berchakap, biar-lah Menteri² menjawab. Jadi hak berchakap dalam Dewan ini nampak-nya mengikut istilah Yang Berhormat dari Bachok itu hanya-lah puak Pembangkang dan Menteri². Kita di-sini untuk datang tidor. Kalau Ahli Yang Berhormat itu datang di-sini dengan niat hendak tidor, biar-lah dia tidor lenyak². Tetapi kami akan buka mata dan tidak akan membiarkan sa-patah daripada chakap Pembangkang lalu (*Tepok*) dengan tidak mendapat pandangan dan tegoran yang keras daripada kami di-sabelah sini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bachok telah mengang-gap pindaan yang kita bawa ini atau yang Kerajaan bawa ini sa-bagai perbuatan orang yang hendak meruntuhkan rumah-nya sendiri. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bachok itu barangkali belum menyemak betul² dan belum membacha lagi kandungan Perlembagaan Malaysia ini. Kalau dia mengerti, barangkali dia bacha tetapi dia tidak mengerti—itu soal lain. Kalau dia mengerti apa isi kandungan Perlembagaan ini dan apa pindaan yang kita datangkan tentu dia tidak tergamak mengeluarkan bahasa yang begitu rupa yang hanya menunjukkan kejahatan-nya tidak lebeh dan tidak kurang daripada itu.

Di-dalam Perlembagaan sa-bagai-mana yang saya telah sebutkan tadi ada terkandung beberapa asas², beberapa hak² yang kita semua akan

bermatian² kerana-nya dan hak² itu tidak di-tentukan bagi rumah yang mana yang hendak roboh. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada lebeh mudah daripada sa-orang membawa dan menyebutkan kata² daripada lidah yang tidak bertulang itu. Jadi di-sini, Tuan Yang di-Pertua, bagi penyudah-nya saya nampak puak Pembangkang ini membangkang Pindaan Perlembagaan ini dengan satu niat sahaja ia itu kami Pembangkang mesti membangkang bukan ada purpose-nya—bukan ada tujuan-nya, bukan ada apa-nya kerana di-dalam kenyataan Menteri Yang Berhormat tat kala mengemukakan pindaan yang terkandung di-dalam Rang Undang² itu sendiri telah di-sebutkan sebab² mengapa pindaan² ini perlu di-adakan pada masa sekarang ini, dan ini-lah juga pindaan² yang tidak mendatangkan sa-barang kerosakan—sa-barang chachat, sa-barang chedera, sa-barang kerosakan di-dalam isi dan pati serta sari Perlembagaan kita itu. Kalau ada daripada Ahli Yang Berhormat Puak Pembangkang membangkang kerana kita memandai² meminda Perlembagaan itu pada asas²-nya yang besar, maka di-sini saya sa-bagai salah sa-orang yang mempunyai keyakinan yang penoh—dan keperchayaan yang penoh atas hak dan asas² demokerasi yang tulen dan hak peri kemanusiaan tidak akan redza mendiamkan diri apakala sa-suatu hak itu hendak di-chabul oleh sasiapa juga pun. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh (*Tepok*).

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang² Pindaan Perlembagaan ini dan sa-sudah saya dengar perchakapan² daripada pehak Pembangkang, saya dapati bangkangan² yang mereka hadapkan kepada Dewan Yang Berhormat ini tidak mempunyai asas atau pun lojik. Yang sa-benar-nya hakikat bangkangan mereka itu tidak lain dan tidak bukan kerana takut jentera pentadbiran Kerajaan Perikatan ini akan menjadi kemas dan menjadi lichin dan lebeh sempurna lagi dan akan memuaskan hati ra'ayat jelata, maka ra'ayat jelata akan mem-

beri sa-penoh² keperchayaan kepada Kerajaan Perikatan maka sebab itu-lah mereka merasa chemburu takut pengaruh akan lebeh² lagi di-dapati oleh pehak Kerajaan yang memerintah. Sebab itu-lah mereka membangkang ini-lah pada pendapat saya tujuan yang sa-benar-nya yang di-bangkang oleh pehak Pembangkang. Alasan² yang lain yang saya dapati tidak ada langsung. Tuan Yang di-Pertua, saya sokong supaya pindaan ini di-luluskan bukan sahaja patut Menteri² mengadakan Setia-usaha Siasah atau Political Secretary atau Parliamentary Secretary tetapi juga saya harap pehak Yang Berhormat Perdana Menteri akan timbangkan supaya tiap² Ahli Dewan Ra'ayat akan di-beri sa-orang Setia-usaha Parlimen (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, harus Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini tidak biasa dengar apa yang saya sebutkan dahulu. Di-negara² yang maju saperti di-Amereka, di-negeri Jepun yang saya sendiri telah pun melawat negeri Jepun, tiap² Ahli Parlimen ada sa-orang Setia-usaha Sulit-nya sendiri dan ada kerani-nya dan pejabat khas bagi-nya di-tanggung bayaran gaji-nya oleh Kerajaan. Dengan ada-nya Setia-usaha Parlimen atau Setia-usaha bagi Ahli Dewan Ra'ayat maka banyak-lah kerja² yang di-laksanakan dapat berjalan dengan lichin dan sempurna.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap-lah perkara ini dapat timbangan; dan mula² sa-kali saya dengar dalam negara kita ini di-adakan Setia-usaha Parlimen ia-lah Yang Berhormat wakil Batu. Yang Berhormat wakil Batu sendiri telah pun mengadakan sa-orang Setia-usaha Siasah-nya untuk menyediakan segala perkara yang hendak di-bahathkan dalam Parlimen ini dan dapat-lah beliau membawa perkara² itu kepada Dewan yang berbahagia ini. Jadi Yang Berhormat dari Batu hendak membangkang tentu sa-kali tidak patut kerana beliau sendiri tunjok jalan bahkan molek kita tiru tauladan yang diberikan oleh Yang Berhormat wakil Batu itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat Perdana Menteri ialah mengenai Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat. Tuan Yang di-Pertua, ada di-sebutkan Deputy Speaker atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat. Saya berharap Yang Berhormat Perdana Menteri jika hendak mengadakan perjawatan Timbalan Yang di-Pertua itu maka patut-lah di-beri gaji atau allowance yang saimbang dan sa-taraf—sadarjat dengan perjawatan Timbalan itu. Bukan sa-bagaimana yang telah lalu sa-orang Timbalan itu hendak duduk di-atas kerusi itu sa-lama lebeh satu jam baharu-lah mendapat \$50.00 allowance. Jadi ini tidak sesuai tidak patut di-buatkan dan saya harap supaya di-beri gaji yang sa-taraf dengan kedudukan perjawatan itu atau pun dalam bahasa Inggeris "commensurate with the status and dignity of the Deputy Speaker." Jadi saya harap, biar-lah di-berikan pertimbangan di-atas shor² dan pandangan saya itu kerana perjawatan Deputy Speaker atau Timbalan Yang di-Pertua ini ada-lah satu jawatan yang tertinggi dan sangat di-junjong tinggi. Jikalau-lah tidak hendak di-beri gaji yang sa-taraf dengan jawatan itu, patut-lah di-beri dan di-adakan sa-bagai Timbalan Yang di-Pertua Yang Kehormat or as Honourary Deputy Speaker baharu-lah dapat saya fikir di-beri allowance \$50.00 lebeh daripada satu jam.

Mr Speaker: Panjang lagi? Beri-lah peluang kepada orang lain pula.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Ada sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya teringat kepada ucapan yang telah di-berikan oleh Ahli Yang Berhormat wakil Tanjong, dia merayu backbenchers ini supaya menggunakan fikiran-nya sendiri waktu hendak mengundi kata-nya. "You all should vote according to your clear conscience"—mengikut fikiran dan pendapat sendiri. Saya fikir Yang Berhormat itu tidak payah-lah mengingatkan kami backbenchers di-sini, kami di-sini memang sa-belum datang ka-Dewan ini telah pun berbath dengan panjang lebar di-pre-Council apa dia

hujah yang akan di-keluarkan oleh pehak Pembangkang memang sudah kami telah halusi dengan sa-penohnya, maka sebab itu kami datang di-sini dengan satu suara—dengan satu arahan dan tanggung-jawab bersama ta' payah-lah Yang Berhormat chuba hendak memecah belahkan kami di-sini saya harap dia ta' usah-lah buat begitu lain kali.

Satu perkara yang di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok, dia berkata kalau hendak pinda kenapa tidak di-pinda atas soal mengenai Nationality? Saya harap Ahli Yang Berhormat itu sekarang kalau dia boleh chabar pehak Kerajaan, maka saya chabar Ahli Yang Berhormat itu, bawa-lah usul itu ka-hadapan kelak dan Ahli Yang Berhormat itu akan tahu apa jawapannya. Perkara ini sudah di-bahath dahulu, tetapi di-bangkit²kan lagi oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu, di-mana ada kempen itu-lah modalnya; saya chabar Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu, bawa-lah usul yang baharu, dan dia akan tahu penangan pehak Perikatan (*Ketawa*). Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' D. R. Seenivasagan (Ipoh): Mr Speaker, Sir, I rise to say a very few words in this debate.

The first point I would like to make is that there is no doubt whatever that the late publication of this Bill is regrettable; and it is all the more regrettable because the Government must certainly have formulated the intention to present this Bill to this House a considerable time ago, because already in operation are Parliamentary Secretaries and, I think, Political Secretaries. Therefore, it will be of some interest to us if the Honourable Minister can inform this House in reply as to why this Bill was not laid before us, or sent to us, or published for public information, some considerable time earlier, because already there are Secretaries—Political and Parliamentary—at work. And, according to speakers on the Government side, this is a very short Bill, a very straightforward Bill, and I am sure the framers could have framed it in one day or two days. If so, why is that it

had to be laid on the table on the first day of our sitting?

I would like to recall to this House the comment made by the Honourable Member for Bungsar which, I think, is very material, and that is this: if the Government thinks, "We want Parliamentary Secretaries, we want Political Secretaries—that is your business because you are the Government today." But what is more important is this: are these people going to serve a useful purpose? If they are going to serve a useful purpose, then they will be useful; if they are not going to serve a useful purpose, or are incapable of serving a useful purpose, then they will be useless. Now, if you want a Parliamentary Secretary or a Political Secretary to be of use, then the first question is: are they necessary? I think that they are necessary, because from the answers we get sometimes from the Ministerial Bench, I think a good Parliamentary Secretary will certainly assist both sides of this House very, very much indeed. *(Laughter)* But, Mr Speaker, Sir, for such a Secretary to be of assistance, he must be of a certain calibre, a certain intelligence and, as the Honourable Minister said, of wide experience and knowledge. And I am indeed grateful that the Honourable Minister has made it a point in presenting this Bill that persons appointed will be persons of wide experience, capable of assisting not only the Ministries to which they are attached but also of assisting all Members in this House through their Ministries and through their work. Let us take a hypothetical case, if it is indeed hypothetical any more: let us take, for example, the Ministry of Labour. If you have a person, who was once a clerk to a moneylender's firm, or a manager of a sundry shop, now as a Parliamentary Secretary, or a Political Secretary, a man who cannot speak the national language properly, who cannot speak the other official language—English—properly, of what assistance can he be to anybody on earth as a Secretary in this Ministry? If that assurance is given to this House, I hope the

assurance will be kept, and that only capable persons will be selected.

I am aware—and I do not think there can be much doubt about it—that when the Government chooses these people, they will choose Party supporters, Party workers, persons known to be inclined to support the Alliance policies—perhaps, that is understandable. There will be many, and amongst these many, choose those who are capable, not those to whom you want to give favours although they are incapable of fulfilling their duties in these posts. For example, clerks of moneylenders, managers of shops, how on earth can these people ever become Political Secretaries or Parliamentary Secretaries and can serve any useful purpose even to the Ministry concerned, leave alone to this House or to the general public?

As far as the public is concerned, it is also important, because Political Secretaries will be dishing out statements, answers, information from the Ministry to the public for their consumption; and it is necessary, I think, that the public should have a degree of confidence in these Political Secretaries, confidence in their ability, confidence in their integrity—by that I mean their integrity to work—and in their capability. The first point is this: I do not think that those who were defeated at the General Elections should be rewarded by being made either Political Secretaries or Parliamentary Secretaries. Now, the Honourable Member for Tanjong has given one example of one defeated candidate who has already got such an appointment. Many of us in this House and outside know that that was a pure and simple reward for past services. How is that to be reconciled with the statement of the Honourable Minister that men of wide experience will be selected to fill these posts, because certainly as far as the Ministry of Labour is concerned, the one person now selected is not with wide experience and certainly not capable of serving that Ministry, or any Ministry, or any individual Member of this House in any capacity whatsoever. Another point with regard to the

Ministry of Labour—I don't think it should be the policy of Ministers to employ their ex-employees as Parliamentary Secretaries or Political Secretaries, unless, of course, they are capable men—so capable that nobody else can replace them.

